



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**PENANGGUHAN SEMUA PROGRAM YANG MEMBABITKAN
PERHIMPUNAN ORANG RAMAI MELIBATKAN JENTERA
PERPADUAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
BERIKUTAN PENINGKATAN KES COVID-19**

Putrajaya, 4 Oktober 2020 – Kementerian Perpaduan Negara mengarahkan penangguhan semua program yang membabitkan perhimpunan orang ramai melibatkan jentera di bawah Kementerian berikutnya kes COVID-19 yang meningkat sejak beberapa hari yang lepas.

2. YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique mengingatkan semua jentera Perpaduan termasuk **8,274 Kawasan Rukun Tetangga (KRT), 5,321 Skim Rondaan Sukarela, 1,874 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Genius Perpaduan** supaya mematuhi protokol kesihatan dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta arahan Kerajaan Negeri yang berkaitan.

3. Pelaksanaan aktiviti keagamaan di lebih 10,000 rumah ibadat bukan Islam dalam Zon Hijau dan Kuning sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) juga akan dipantau dan dikemaskini oleh pihak Kementerian, tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh KKM dan MKN serta peraturan Kerajaan Negeri yang berkaitan.

4. Kementerian menasihatkan semua kakitangan, jentera perpaduan dan orang ramai supaya sentiasa patuh kepada SOP dan mengamalkan norma baharu seperti pemakaian pelitup muka, memastikan penjarakan fizikal dan sentiasa membersihkan tangan terutamanya ketika berada di tempat awam.

Kementerian Perpaduan Negara

4 Oktober 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (29)